

D525

U B143 BAH

UMNO - MUSA

KUALA LUMPUR, 29 SEPT. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM HARI INI SECARA TERBUKA BERIKRAR PADA PERHIMPUNAN AGUNG KE-36 UMNO DI SINI UNTUK TERUS MEMBERI SOKONGAN TIDAK BERBELAH BAHAGI KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI PRESIDEN UMNO DAN PERDANA MENTERI.

DATUK MUSA, JUGA BUAT PERTAMA KALINYA MENAFIKAN KHABAR-KHABAR ANGIN KONONNYA BELIAU BERBALAH DENGAN PERDANA MENTERI DAN DIBERI TEPUKAN GEMURUH OLEH LEBIH 3,000 ORANG WAKIL DAN PARA PEMERHATI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MELAFAZKAN IKRAR DAN MENAFIKAN KHABAR-KHABAR ANGIN ITU KETIKA MENGGULUNG PERHABASAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG DI DEWAN PERSIDANGAN PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KOMPLEKS UMNO.

DATUK SERI DR MAHATHIR BANGUN KEMUDIAN UNTUK MENJAWAB HÜJAH-HÜJAH YANG DITIMBULKAN SEMASA PERHABASAN JUGA MENERIMA TEPUKAN GEMURUH APABILA BELIAU MENEGASKAN:

+SAYA TIDAK PERNAH MENDESAK DATUK MUSA MEMBUAT KENYATAAN ITU SEBAB SAYA TIDAK PERNAH MEMPERSOALKAN KETAATAN BELIAU DALAM PARTI DAN SEBAGAI RAKAN SEPAKAT DALAM PENTADBIRAN.+ - LAGI.

1244MST 29 09 85

UMNO - MUSA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI SEBELUM ITU, MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA TIMBALANNYA ATAS PENJELASAN DAN IKRAR YANG DIBERIKAN ITU.

KATANYA WALAUPUN RAMAI ORANG MENEMUINYA BERTANYA MENGAPAKAH BELIAU SEORANG SAHAJA YANG SERING MEMBUAT KENYATAAN MENGENAI HUBUNGANNYA DENGAN DATUK MUSA, BAGI DIRINYA BELIAU TIDAK PERNAH MEMPERSOALKAN KETAATAN DATUK MUSA SEBAGAI RAKANNYA DALAM PARTI DAN KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU PARA WAKIL DAN PEMERHATI MENYEBARKAN KEDUDUKAN SEBENAR HUBUNGANNYA DENGAN DATUK MUSA KEPADA SELURUH ANGGOTA UMNO.

DATUK MUSA, KETIKA MENJELASKAN HUBUNGANNYA DENGAN PERDANA MENTERI BERKATA +KAMI BERDUA SENTIASA PENUH PERSEFAHAMAN DAN MUFAKAT. TIDAK PERNAH TERJADI APA-APA PERBALAHAN ATAU PERGADUHAN DI ANTARA KAMI BERDUA+.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU DAN PERDANA MENTERI MENJALANKAN TUGAS MENGIKUT PRINSIP TRADISI DALAM UMNO DAN KERAJAAN IAITU SALING LENGKAP MELENGKAPI. -- LAGI.

1306MST 29 09 85

UMNO - MUSA 3 KUALA LUMPUR

MENURUT PRINSIP ITU, JELAS DATUK MUSA BELIAU MENJALANKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DALAM BIDANG-BIDANG YANG DITETAP DAN DIARAHKAN OLEH PERDANA MENTERI.

PERDANA MENTERI PULA MENJALANKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWABNYA DALAM BIDANG-BIDANG LAIN YANG DITENTUKAN. TAMBAHNYA.

TEGASNYA; OLEH ITU, SEKIRANYA BELIAU TIDAK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM BIDANG INDUSTRI BERAT SEBAGAI CONTOH, ITU TIDAKLAH BERMAKNA BAHAWA BELIAU TIDAK MENYOKONG ATAU MENERIMA DASAR DALAM BIDANG ITU.

DATUK MUSA BERKATA SEBENARNYA DALAM HUBUNGAN ITU, BELIAU DIBERI TANGGUNGJAWAB MENGURUSKAN BIDANG INDUSTRI RINGAN ATAUPUN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR.

BEGITULAH JUGA JIKA SUDAH DITAKDIRKAN PERDANA MENTERI +MEMANDANG KE TIMUR+ DAN BELIAU PULA +PANDANG KE BARAT+, TIDAKLAH SEMESTINYA DITAFSIRKAN ITU SEBAGAI SESUATU YANG NEGATIF, TETAPI SESUAI DENGAN PRINSIP SALING LENGKAP MELENGKAPI DAN BANTU MEMBANTU.

-- LAGI

1308MST 29 09 85

UMNO - MUSA 4 KUALA LUMPUR

DATUK MUSA DIBERIKAN SORAKAN GEMURUH LAGI APABILA BELIAU MENEGASKAN BAHAWA APA JUGA TINDAKAN DAN KENYATAANNYA DALAM ISU-ISU BESAR DIBUAT HASIL MUAFAKAT DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DAHULU.

+TAKKANLAH SAYA BERBALAH DENGAN BELIAU. JIKALAU DITELITI REKOD PENTADBIRAN NEGARA, TIADA PERNAH SEORANG TIMBALAN PERDANA MENTERI DIBERI PELUANG SEPERTI SAYA MENJADI PEMANGKU PERDANA MENTERI BERPULUH-PULUH KALI,+ UJAR BELIAU.

SEKIRANYA BENAR DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK MEMPUNYAI KEPERCAYAAN TERHADAPNYA, TENTULAH TIDAK MUDAH PERDANA MENTERI MENYERAHKAN PENTADBIRAN NEGARA KEPADANYA, KATA DATUK MUSA.

OLEH ITU BELIAU BERKHARAP SELURUH ANGGOTA UMNO MENGHAPUSKAN APA JUA PRASANGKA YANG MENGATAKAN KONONNYA BERLAKU PERBALAHAN ANTARA BELIAU DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR.

KATANYA +SAYA MINTA MAAFLAH KEPADA SESIAPA YANG MENGHARAF-HARAPKAN ADA BERLAKU KEADAAN YANG DIIDAM-IDAMKAN (PERBALAHAN) OLEH MEREKA, KERANA KITA AKAN BERJUANG DENGAN SATU SUARA DAN SATU NADA UNTUK AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.+ -- LAGI.

1318MST 29 09 85

UMNO - MUSA 5 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGAJAK SELURUH ANGGOTA UMNO TERMASUK ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI MEMBERI SOKONGAN PENUH KEPADA PRESIDEN PARTI UNTUK MENJAMIN KEJAYAAN UMNO MENGHADAPI LAWAN POLITIKNYA LEBIH-LEBIH LAGI DALAM PILIHANRAYA AKAN DATANG.

DATUK MUSA MENEGASKAN BAHAWA PERPADUAN UMNO BUKAN SAHAJA PENTING PADA PERINGKAT ANGGOTA SESAMA ANGGOTA, CAWANGAN DAN BAHAGIAN TETAPI JUGA PERINGKAT MAJLIS TERTINGGI.

KATANYA, OLEH KERANA ANGGOTA UMNO KINI RAMAI, MAKA KHABAR ANGIN KONONNYA BELIAU BERSENKETA DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR BUKAN SAHAJA DIPERKATAKAN OLEH ANGGOTA PARTI TETAPI JUGA RAKYAT SEHINGGA PERKARA ITU DIPERBESAR-BESARKAN.

MALAH KALANGAN MAJLIS TERTINGGI SEKALI PUN MEMPERSOALKAN PERPADUAN PARTI ITU SAMA ADA WUJUD ATAU TIDAK KINI, KATANYA.

DATUK MUSA BERKATA SEBAB ITULAH BELIAU TERPAKSA MEMBUAT PENJELASAN SECARA TERUS TERANG. -- BERNAMA

1326MST 29 09 85